



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# Laporan Peperiksaan **STPM 2023**



**Usuluddin (931)**



### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 949 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 77.02% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	11.06	6.64	9.69	11.28	13.49	12.64	12.22	6.30	4.53	2.87	9.28

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat, calon kurang menguasai kemahiran membanding, dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### **Soalan 1**

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan **empat** kedudukan akidah dalam Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kedudukan akidah dalam Islam ialah akidah berada pada kedudukan yang paling tinggi dan utama kerana kejayaan di dunia dan akhirat bergantung kepada keyakinan seseorang itu terhadap akidah Islam. Akidah juga merupakan punca penerimaan amalan di sisi Allah SWT. Selain itu, perkara pertama yang wajib ke atas setiap *mukallaf* ialah mengenal Allah SWT, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan **empat** sebab Islam merupakan agama fitrah bagi manusia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah manusia telah berinteraksi dengan Allah SWT semasa di alam roh yang memaparkan pengakuan berkaitan dengan kewujudan dan keagungan Allah SWT. Islam merupakan agama yang suci daripada unsur syirik di mana akal manusia menolak perbuatan menyembah pokok, kubur, patung dan benda yang lemah. Islam juga tidak dipengaruhi oleh unsur pilih kasih atau hanya menjaga kepentingan golongan yang tertentu kerana Islam datang dalam bentuk wahyu al-Quran dan hadis. Selain itu, Islam menggariskan sistem hidup yang meraikan fitrah manusia dalam segala aspek dan Islam mengiktiraf hak asasi manusia selagi ia tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Soalan 1(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** keistimewaan akidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara keistimewaan akidah Islam ialah akidah yang kekal, akidah yang terang dan jelas, akidah yang sesuai dengan fitrah manusia, akidah yang bersifat *rabbaniyyah*, akidah yang *syumul*, *alamiyyah*, *wadihah*, *thabitah*, dan lain-lain lagi.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan hubungan antara iman dengan Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak menampakkan hubungan antara kedua-duanya dengan baik. Sebahagian calon hanya memberikan pengertian iman dan Islam tanpa menghubungkan atau mengaitkan antara iman dan Islam. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah iman merupakan keyakinan yang menjadi dasar kepada akidah dan keyakinan tersebut akan diterjemahkan melalui pelaksanaan rukun Islam. Iman yang berpaksikan *tasdiq* akan melahirkan rasa tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT.

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan **empat** faktor berkurangnya iman seseorang Muslim. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah melakukan perbuatan yang keji, kurang melakukan amalan yang *soleh*, sentiasa keluh kesah, memandang remeh kepada perbuatan yang baik, meninggalkan amalan wajib, melakukan dosa kecil dan dosa besar tanpa bertaubat, lalai dalam melakukan ibadah, dan lain-lain lagi.

Soalan 2(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** peranan akidah dalam kehidupan masyarakat. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang memberikan peranan akidah dalam kehidupan individu, tanpa mengaitkannya dengan masyarakat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah membebaskan masyarakat daripada menyembah selain daripada Allah SWT, membebaskan akal masyarakat daripada taklid buta, membentuk masyarakat yang berakhhlak mulia, membentuk masyarakat yang maju dan berwawasan jauh, mendorong masyarakat melakukan amal kebaikan dalam kehidupan, dan lain-lain lagi.

## Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memberikan **satu** ayat al-Quran yang mencela manusia yang tidak menggunakan akal. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ayat 10 daripada *Surah al-Mulk*, ayat 179 daripada *Surah al-A'raf*, ayat 58 daripada *Surah al-Maidah*, dan lain-lain lagi.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** kebaikan menggunakan akal dengan sebaiknya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah manusia akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat, penggunaan akal yang baik menjadikan seseorang manusia itu menjadi makhluk yang mulia, seseorang itu dapat mengenal pencipta, iaitu Allah SWT dan segala ciptaan-Nya dengan baik, manusia mampu memajukan diri dalam pelbagai aspek, dan lain-lain lagi.

Soalan 3 (c) menghendaki calon membincangkan bagaimana taklid menghalang akal manusia daripada mencari kebenaran dengan memberikan **dua** dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah taklid menjadikan manusia cenderung mengikuti jejak langkah ibu bapa dan datuk nenek mereka secara membuta tuli berdasarkan ayat 170 daripada *Surah al-Baqarah*, manusia akan menggunakan sangkaan semata-mata dan menganggap sangkaannya benar

serta tidak mahu menerima kebenaran berdasarkan ayat 28 daripada *Surah al-Najm*, manusia yang bertaklid tidak dapat menerima petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT yang menyebabkannya *jumud* dan menolak segala petunjuk ke arah kebenaran berdasarkan ayat 23 daripada *Surah al-Najm*, dan lain-lain lagi.

#### **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan **dua** sumber akidah pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sumber akidah pada zaman Rasulullah SAW ialah al-Quran dan al-Sunnah.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan **empat** komitmen *Khulafa al-Rasyidin* terhadap prinsip akidah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah mereka menerima prinsip akidah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dengan penuh yakin, mereka berpegang teguh kepada sumber akidah yang suci dan tulen, mereka mentanzih dan mentaqdis Allah SWT daripada sebarang bentuk persamaan dengan makhluk, mereka berazam dengan sepenuh hati untuk melaksanakan segala ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan **empat** perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat yang menjadi babit kelahiran aliran pemikiran akidah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah isu pengutusan Tentera Usamah, berita kewafatan Rasulullah SAW, isu tempat pengebumian Rasulullah SAW, isu pelantikan khalifah, dan lain-lain lagi.

#### **Soalan 5**

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan maksud *liberalisme*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Liberalisme ialah satu ideologi yang menyokong prinsip kebebasan, kepentingan hak individu, persamaan, menjunjung tinggi kerasionalan akal manusia, dan menolak autoriti agama serta syariat.

Soalan 5(b) menghendaki calon membezakan liberalisme dengan hedonisme. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon hanya membezakan takrif bagi kedua-dua ideologi. Liberalisme dan hedonisme boleh dibeza daripada aspek takrif, tujuan, dan prinsip-prinsipnya.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan **empat** pemikiran sekularisme yang bertentangan dengan akidah Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang memberikan pemikiran liberalisme dan hedonisme sebagai jawapan. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah sekularisme memisahkan urusan agama dengan kehidupan, menetapkan kehidupan berdasarkan rasional, ilmu, dan sains, menolak kewibawaan ahli agama, menafikan nilai kehidupan yang tetap, dan lain-lain lagi.

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 895 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.36% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	7.37	5.92	7.93	8.16	11.62	10.28	14.08	8.42	5.16	9.54	11.52

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana sama ada pada bahagian A atau pada bahagian B. Hal ini disebabkan calon tidak mempunyai perancangan yang baik semasa menjawab soalan. Calon tidak dapat mengemukakan dalil yang tepat, jawapan yang diberikan adalah menyimpang daripada kehendak soalan, tidak dapat mengemukakan fakta yang tepat, dan jawapan yang diberikan tidak relevan dengan kehendak soalan.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### **BAHAGIAN A: Ulum al-Quran**

###### **Soalan 1**

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan maksud *pengumpulan al-Quran*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mampu menjelaskan maksud pengumpulan al-Quran dengan tepat. Pengumpulan al-Quran merujuk kepada pengumpulan di dalam dada dengan cara menghafal. Ia juga merujuk kepada pengumpulan melalui tulisan, iaitu dengan cara menulis atau mengukir ayat-ayat al-Quran pada bahan-bahan tertentu.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan peristiwa berkaitan dengan perselisihan yang berlaku antara *lajnah* yang dilantik semasa proses pendokumentasian al-Quran pada zaman Sayyidina Uthman bin Affan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang memberikan faktor berlakunya pendokumentasian al-Quran pada zaman Sayyidina Uthman bin Affan sebagai jawapan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah penjelasan berkaitan dengan *khilaf* tulisan al-Quran yang berlaku antara Zaid bin Thabit dengan tiga orang Quraish yang lain, iaitu Abdullah bin Zubair, Sa'id bin al-As, dan Abd Rahman bin Harith bin Hisham. *Khilaf* ini berkaitan dengan penulisan huruf *ta'* pada satu kalimah ayat al-Quran. Zaid bin Thabit berpandangan kalimah tersebut perlu ditulis dengan *ta' marbutah*, sedangkan mereka yang lain berpandangan ia perlu ditulis dengan *ta' maftuhah*. Perkara ini telah dikemukakan kepada Sayyidina Uthman bin Affan dan beliau telah memutuskan penulisan tersebut perlu mengikut pandapat orang Quraish.

Soalan 1(c) menghendaki calon menerangkan **empat** perbezaan pendokumentasian al-Quran yang berlaku pada zaman Sayyidina Abu Bakar dengan zaman Sayyidina Uthman bin Affan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang hanya menjelaskan pendokumentasian al-Quran secara umum tanpa membuat perbezaan. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah perbezaan daripada aspek penulis yang terlibat, bentuk pengumpulan, bentuk susunan, bilangan *mashaf*, dan nama *mashaf*.

### Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan **empat** buah kitab *muktabar* yang membincangkan *i'jaz al-Quran*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kitab muktabar yang membincangkan *i'jaz al-Quran* ialah *Risalah al-Nuqat fi I'jaz al-Quran*, *Bayan I'jaz al-Quran*, *Asrar al-Balaghah*, *Dalail al-I'jaz*, *Sirr al-Fasahah*, dan lain-lain lagi.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan sejarah perkembangan ilmu *i'jaz al-Quran* pada abad keempat dan abad kelima Hijrah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang memberikan jawapan secara umum bermula daripada abad pertama Hijrah. Calon sepatutnya menjelaskan penulisan kitab yang dihasilkan dan tokoh yang terlibat pada kedua-dua abad tersebut dan menjelaskan sumbangan mereka terhadap perkembangan ilmu *i'jaz al-Quran*.

Soalan 2(c) menghendaki calon menjelaskan *i'jaz 'ilmiyy* yang terdapat dalam al-Quran dengan memberikan contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang hanya menjelaskan ilmu sains yang terdapat dalam al-Quran tanpa memberikan dalil daripada al-Quran. Antara *i'jaz 'ilmiyy* yang terdapat dalam al-Quran ialah proses kejadian hujan yang diceritakan dalam *Surah al-Tariq* ayat 11, sistem barcode pada ayat 3 dan 4 daripada *Surah al-Qiyamah*, kejadian gempa bumi pada ayat 6 dan 7 pada *Surah al-Naba'*, peredaran matahari dan bumi pada ayat 33 daripada *Surah al-Anbiya*, dan lain-lain lagi.

### Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memerihalkan pentafsiran al-Quran yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Rasulullah SAW merupakan pengasas kepada pentafsiran al-Quran,
2. Rasulullah SAW menjadi tempat rujukan para sahabat dalam sebarang perkara yang berkaitan dengan pentafsiran al-Quran,
3. Rasulullah SAW mentafsirkan al-Quran berdasarkan al-Quran dan hadis baginda,
4. Rasulullah SAW mengajar para sahabat berkaitan dengan pentafsiran al-Quran melalui majlis ilmu dan khutbah.

Soalan 3(b) menghendaki calon menerangkan **empat** perbezaan antara tafsir dengan takwil. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang hanya menjelaskan tafsir atau takwil secara umum tanpa membuat sebarang perbezaan. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Tafsir lebih banyak digunakan pada *lafaz* dan *mufradat*, sedangkan takwil lebih banyak digunakan pada *jumlah* dan makna-makna serta susunan kalimah,

2. Tafsir adalah berkaitan dengan *riwayah*, sedangkan takwil berkaitan dengan *dirayah*,
3. Tafsir digunakan dalam ayat *muhkamat*, manakala takwil digunakan dalam ayat *mutasyabihat*,
4. Tafsir bersifat menerangkan petunjuk yang dikehendaki, manakala takwil menerangkan hakikat yang dikehendaki.

Soalan 3(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** kepentingan mempelajari ilmu tafsir. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Dapat memahami makna, hukum, dan petunjuk yang terdapat dalam al-Quran untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat,
2. Mengelakkan pemahaman yang menyeleweng terhadap isi kandungan al-Quran,
3. Menyelesaikan masalah kehidupan manusia daripada pelbagai aspek, seperti ekonomi, politik, sosial, dan agama,
4. Membantu para ulama mengeluarkan hukum yang terdapat dalam al-Quran dengan tepat tanpa sebarang keraguan,
5. Membezakan antara pentafsiran yang sahih dan boleh diterima dengan pentafsiran yang salah dan perlu ditolak.

## **BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis***

### **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menamakan **empat** tokoh pengarang kitab hadis pada abad kedua Hijrah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah Imam Malik bin Anas, Sufyan Ibn Uyainah, Abdullah bin Mubarak, al-Laith Ibn Saad, Waqi' Ibn Jarrah, Abu Bakar Hazm, dan lain-lain tokoh.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan empat metode penulisan kitab hadis pada abad kedua Hijrah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Karya yang ditulis menghimpunkan hadis Rasulullah SAW bercampur dengan perkataan para sahabat dan fatwa para tabiin,
2. Menghimpunkan hadis yang sesuai dalam suatu bab, kemudian mengumpulkan bab tersebut dalam satu karangan buku,
3. Bahan karya merupakan apa yang dikumpul dalam *sahifah* dan buku yang ditulis pada zaman sahabat,
4. Karya pada abad ini umumnya berbentuk *mawatta'*, *musannaf*, dan *musnad*.

Soalan 4(c) menghendaki calon menerangkan **empat** aktiviti yang membantu perkembangan *ulum al-Hadis* pada zaman sahabat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah para sahabat menghafal hadis, mereka tidak menggalakkan penulisan hadis kerana bimbang mengganggu penumpuan terhadap al-Quran, mereka meminta kesaksian daripada sahabat lain sekiranya hadis yang diriwatkan itu meragukan, dan mereka melakukan *rekhlah* bagi mencari hadis.

## **Soalan 5**

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan pengertian *hadis marfu'* berserta dengan satu contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Hadis marfu'* ialah apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW samada perkataan, perbuatan dan pengakuan.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan hukum beramal dengan *hadis marfu'*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hukum beramal dengan *hadis marfu'* ialah wajib sekiranya memenuhi syarat *hadis sahih*. Tidak harus beramal dengan hadis ini yang bertaraf *da'if* pada perkara hukum dan akidah. Namun begitu, hadis ini yang bertaraf *da'if* yang ringan, masih boleh beramal dalam perkara *fadail a'mal* sahaja. *Hadis marfu'* yang bertaraf *mawdu'* tidak boleh beramal dengannya.

Soalan 5(c) menghendaki calon membandingkan *hadis mawquf* dengan *hadis maqtu'*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Rata-rata calon hanya menjawab perbezaan antara dua hadis tersebut, tanpa menjelaskan persamaan. Antara persamaan hadis ini ialah kedua-duanya digelar sebagai *al-athar*, boleh menjadi *taraf sahih, hasan, daif* dan *mawdu'*, sekiranya kedua-duanya bertaraf *daif* atau *mawdu'*, maka tidak boleh beramal dengannya. Antara perbezaan hadis-hadis ini ialah dari aspek sandaran, *qarinah*, dan bahagiannya.

## **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon memberikan pengertian *orientalisme*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Orientalisme ialah satu fahaman yang berusaha menyelidik hal yang bersifat ketimuran dan Islam sama ada dalam bidang sastera, bahasa, sejarah, akidah dan tamadun dengan tujuan yang tertentu.

Soalan 6(b) menghendaki calon menerangkan **empat** bukti gerakan antihadis di Malaysia terpengaruh dengan pemikiran orientalis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Gerakan antihadis masuk ke Malaysia dipelopori oleh Kassim Ahmad yang merupakan pengikut tegar Rashad Khulafa, iaitu seorang pemikir orientalis,
2. Buku yang ditulis oleh Kassim Ahmad, iaitu *Hadis Satu Penilaian Semula* merupakan salinan pemikiran Rashad Khulafa,
3. Kassim Ahmad menubuhkan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM) yang mendukung pemikiran orientalis yang mengkritik hadis dan menganggap al-Quran tidak memerlukan hadis,
4. Orientalis berpendapat umat Islam berpecah kerana adanya hadis yang merupakan satu amalan budaya yang hanya sesuai pada zaman Rasulullah SAW sahaja. Gerakan antihadis membawa pemikiran yang sama.

Soalan 6(c) menghendaki calon memberikan hujah bagi menyangkal dakwaan golongan antihadis yang menyatakan al-Quran tidak memerlukan hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara hujah yang diberikan oleh calon ialah hadis berperanan sebagai penyokong kepada al-Quran, hadis akan mengkhususkan hukum yang umum yang terdapat dalam al-Quran, dan hadis diperlukan untuk mentaqyidkan hukum yang *mutlaq* di dalam al-Quran. Tambahan pula, al-Quran sendiri menuntut supaya umat Islam mentaati Rasulullah SAW dan patuh pada ajaran yang dibawa oleh baginda.

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 885 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.64% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.56	7.91	4.97	4.07	11.75	10.40	11.98	5.76	7.34	5.20	17.06

### RESPONS CALON

#### **Komen am**

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon tidak memberikan fakta yang tepat.

#### **Komen soalan demi soalan**

##### **Soalan 1**

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan **dua** punca berlakunya perselisihan pendapat ulama tentang hukum mempelajari ilmu mantik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang memberikan hukum mempelajari ilmu mantik sebagai jawapan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah berlakunya perbezaan dalam memahami makna ilmu mantik, keadaan dan keperluan masyarakat pada zaman yang tertentu, penyalahgunaan ilmu mantik, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menghuraikan **empat** pandangan ulama yang menolak pengajian ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Pandangan Ibn Solah yang menolak ilmu mantik kerana ilmu ini bercampur dengan unsur *bidaah* dan *khurafat*. Beliau telah menilai suasana pada masa tersebut yang mana masyarakatnya tidak teguh pegangan akidah dan mereka mempelajari ilmu mantik bertujuan untuk memutar belitkan fakta,
2. Imam Nawawi pula mengharamkan pembelajaran ilmu mantik kerana ilmu tersebut bercanggah dengan apa yang digariskan oleh al-Quran dan hadis. Ini menyebabkan masyarakat menggunakan ilmu mantik untuk mentafsir sesuatu mengikut akal mereka sahaja,
3. Imam al-Sayuti berpendapat ilmu mantik menyebabkan masyarakat mengabaikan bahasa Arab dan al-Quran serta hadis. Ini menyebabkan umat Islam sesat,

4. Imam Ibn Taimiyah berpendapat ilmu mantik tidak dapat memberi apa-apa faedah kepada mereka yang cerdik dan juga yang jahil.

Soalan 1 (c) menghendaki calon memberikan hujah untuk menyangkal pandangan pelajar yang menyatakan pengajaran ilmu mantik ialah haram berdasarkan situasi yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan hujah dengan baik dan relevan. Antara hujah yang diberikan oleh calon ialah ilmu mantik merupakan perkara asas dalam membuat hujah dalam pengajian Usuluddin, terutama akidah, ilmu mantik membantu manusia membuat pentakrifan dengan tepat, ilmu mantik membantu manusia berfikir dengan betul selaras dengan peranannya sebagai alat untuk berfikir, ilmu mantik dapat memandu seseorang dalam membuat analisis secara deduktif dan induktif, ilmu mantik membantu seseorang dalam membina hipotesis sesuatu kajian dengan betul, dan lain-lain lagi.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan dua perkara yang membentuk *dilalah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Dilalah* dibentuk oleh dua perkara, iaitu *dal* dan *madlul*. *Dal* ialah suara atau lafadz sesuatu yang memberi makna kepada sesuatu. *Madlul* pula ialah sesuatu makna atau maksud yang difahami melalui *dal*.

Soalan 2 (b) menghendaki calon menyatakan jenis *dilalah* yang diberikan berserta dengan huraian. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Warna kuning lampu isyarat  
*Dilalah ghair lafziyyah wad'iyyah* kerana warna kuning tidak bersuara dan dijadikan sebagai tanda waspada kepada pemandu. Makna ini dibuat oleh pihak berkuasa sebagai undang-undang jalanraya.
2. Air muka seseorang berubah menjadi merah  
*Dilalah ghair lafziyyah tabiyyah* kerana perubahan warna wajah seseorang merupakan sifat semulajadi manusia yang membawa maksud seseorang itu sedang menahan rasa marah atau malu.
3. Bunyi suara orang di dalam rumah yang kosong  
*Dilalah lafziyyah aqliyyah* kerana difahami secara *aqli* bahawa bunyi suara orang itu merupakan petunjuk ada orang di dalam rumah.
4. Aduh!, kata pesakit kepada jururawat yang membersihkan lukanya  
*Dilalah lafziyyah tabi'iyyah* kerana perkataan aduh merupakan reaksi rasa sakit secara semulajadi bagi manusia.

Soalan 2 (c) (i) menghendaki calon menerangkan *dilalah* yang menjadi fokus perbahasan dalam ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Dilalah yang menjadi fokus perbahasan ialah *dilalah lafziyyah wad'iyyah*, iaitu petunjuk berdasarkan lafadz yang mampu ditanggapi dengan istilah yang ditentukan oleh para ilmuan atau manusia.

Soalan 2 (c) (ii) menghendaki calon menghuraikan bahagian *dilalah* berdasarkan jawapan pada (c) (i). Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bahagian dilalah *lafziyyah wad'iyyah* adalah seperti yang berikut:

1. *Mutabaqiyah* iaitu petunjuk lafadz dengan makna yang sempurna,
2. *Tadammuniyyah* iaitu petunjuk lafadz daripada sebahagian makna sesuatu perkara,
3. *Iltizamiyah* iaitu petunjuk lafadz dengan makna yang lazim.

### **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon menjelaskan bahagian *al-takrif*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Al-takrif* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu takrif dengan *had* dan takrif dengan *rasm*. Takrif dengan *had* ialah pengertian yang sempurna mengenai hakikat sesuatu perkara yang ditakrifkan dengan menyebut sifat asasi dan unsur utama. Takrif dengan *rasm* ialah takrif yang menggunakan sifat luaran yang lazim bagi sesuatu objek yang ditakrifkan.

Soalan 3(b) menghendaki calon menerangkan **empat** syarat *al-takrif*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara syarat *al-takrif* ialah bersifat *jami'* dan *mani'*, takrif perlu lebih jelas daripada perkara yang ditakrifkan, mempunyai hubungan dan persamaan dengan perkara yang ditakrifkan, tidak menggunakan perkataan berbentuk *musytarak*, dan lain-lain lagi.

Soalan 3(c) menghendaki calon menghuraikan **empat** kepentingan *al-takrif* dalam kehidupan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Dapat berinteraksi dengan baik dan selamat,
2. Mengelakkan daripada berlaku sebarang kesilapan dalam mentakrifkan sesuatu perkara,
3. Mengelakkan berlakunya penipuan dan penyelewengan,
4. Menyebabkan perkembangan positif dalam kajian sesuatu ilmu selaras dengan perkembangan istilah dan terminologi.

### **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan **empat** syarat utama *istiqra'*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Syarat utama *istiqra'* ialah berbentuk induktif, berasaskan ujian dan pemerhatian, kebenaran berdasarkan alam nyata, dan natijah lebih umum daripada *muqaddimah*.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan **empat** syarat *fard al-furud*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Segelintir calon yang memberikan syarat *mulahazah* sebagai jawapan. Antara syarat *fard al-furud* adalah seperti yang berikut:

1. *al-Fard* yang dikemukakan perlu didahului dengan proses pengamatan dan penelitian. Melalui pengamatan ini akan lahir hipotesis bagi satu-satu kajian,
2. *al-Fard* yang dikemukakan tidak bertentangan dengan peraturan tabii atau akal fikiran yang waras,
3. *al-Fard* yang dikemukakan terdiri daripada apa yang boleh diaplikasi,
4. *al-Fard* boleh dibuktikan secara ilmiah berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama mantik,
5. Berhati-hati dan waspada terhadap segala bentuk andaian yang negatif.

Soalan 4(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** kepentingan membuat hipotesis dalam kajian ilmiah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Dapat menentukan sejauhmana kebenaran keputusan yang diperoleh daripada pemerhatian dan percubaan yang dilakukan,
2. Mengumpulkan sebanyak mungkin fakta yang tepat,
3. Dapat membuat kritikan dan perubahan terhadap andaian yang ada,
4. Membantu menentukan sesuatu peristiwa dan kejadian.

**Soalan 5**

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan biodata ringkas Ibn Sina dan al-Ghazaliyy. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan nama penuh, tarikh lahir, ketokohan, dan perwatakan Ibn Sina dan al-Ghazaliyy dengan tepat.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan sumbangan Ibn Sina dalam ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah beliau banyak memberi syarahan berkaitan dengan ilmu mantik, menghasilkan banyak karya berkaitan dengan ilmu mantik, mengkritik dan membuat pemurnian terhadap mantik *qadim* Aristotle, memperkenalkan mantik moden berdasarkan *mulahazah* dan *tajribah*, dan lain-lain lagi.





# *Laporan Peperiksaan*

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488  
E-mel: ppa[at]mpm.edu.my